

■ Wang simpanan RM36,000 artis veteran lebur


Oleh Suraya Roslan dan Muhamad Hafiz Nawawi  
am@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**N**iat seorang pelakon veteran membuka perniagaan berasaskan telekomunikasi tidak kesampaian apabila wang simpanannya RM36,000 ditipu seorang lelaki bergelar Datuk.

Bukan sahaja duit simpanan bekerja sebagai pelakon tambahan itu lebur, malah dia kini terpaksa berhutang dengan dua along untuk menyara kehidupannya termasuk membayar sewa bilik.

Mangsa yang mahu dikenali sebagai Abdul, 50-an berkata, dia mengenali Datuk berkenaan dalam majlis anjuran karyawan hiburan sekitar Oktober tahun lalu.

Dakwanya, dia mula ter-



tarik dengan tawaran perniagaan itu selepas berhenti kerja sebagai pengawal keselamatan dan memerlukan pendapatan sampingan.

"Saya dikehendaki membayar RM500 untuk menjadi

ejen sah menjual simkad sebuah syarikat telemunikasi itu sebelum dipujuk

Datuk berkenaan supaya membeli dua mesin kad prabayar berharga RM2,500 setiap satu.

"Tanpa ragu-ragu, saya membayar RM5,000 untuk dua mesin kepada Datuk berkenaan dan dibawa mendaftar syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 8 Ogos lalu, dan diminta membayar lagi wang RM5,000," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Menurutnya, Datuk terabit memujuknya supaya mendahulukan wang RM20,000 kerana mendakwa terdapat permintaan tinggi untuk membeli simkad berkenaan di Sabah.

"Datuk terabit berjanji akan memulangkan semula wang itu bersama pulangan komisen hasil jualan simkad berkenaan, tanpa ber-

fikir panjang saya bersetuju dan menyerahkan wang itu sekitar bulan sama.

"Saya turut memberi RM6,000 kepada lelaki itu kononnya untuk tujuan mempromosikan perniagaan ini di Ipoh, Perak," katanya.

Katanya, bagaimanapun sehingga kini lelaki itu lesap manakala wang dilaburkan hangus begitu saja.

"Sudahlah habis wang simpanan, malah perniagaan diimpikan tidak menjadi kenyataan."

"Untuk meneruskan hidup, saya meminjam RM3,000 daripada dua along dan membuat laporan di Balai Polis Ampang demi menuntut kembali wang yang lesap," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Ampang Asisten Komisioner Khairuldin Saad mengesahkan pihaknya menerima laporan itu dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

**RON97 turun 20 sen**

**Kuala Lumpur:**  
Harga minyak RON97 turun 20 sen mulai hari ini.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, harga minyak berkenaan diturunkan ke RM2.55 seliter daripada RM2.75 seliter.

September lalu, harga RON97 dinilaikan 15 sen ke RM2.75 seliter.

Kementerian Keuangan turut mengeluarkan kenyataan kepada semua pemilik stesen minyak bagi memaklumkan penurunan harga berkenaan.

**"Saya kenal Datuk berkenaan dalam majlis anjuran karyawan hiburan sekitar Oktober tahun lalu"**

Abdul

## MEMANTAPKAN JENAMA ANDA MENGHARUNGI CABARAN DUNIA

Jenama anda melambangkan banyak perkara – kualiti produk atau perkhidmatan anda, reputasi organisasi anda, pengalaman pelanggan dan pelbagai lagi.

Dapatkan pengiktirafan Kualiti, Kecemerlangan dan Keunggulan untuk jenama anda dengan memanfaatkan Logo Kebangsaan Jenama Malaysia.

[www.nationalmark.gov.my](http://www.nationalmark.gov.my)



15 Nov – 28 Dis 2014  
Untuk maklumat lanjut, sila ke  
[www.nationalmark.gov.my](http://www.nationalmark.gov.my)

